

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

TRADISI LISAN ENSERA

ALICE ENTABARI ANAK UMPANG

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Drama dan Teater)
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL
WORK


This declaration is made on the 7th day of June 2018.

Student's Declaration:

I Alice Entabari Anak Umpang, 55231 Faculty of Applied And Creative Arts hereby declare that the work entitled, "*Tradisi Lisan Ensera*" my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

8 June 2018

Date submitted



Alice Entabari Anak Umpang
(55231)

Supervisor's Declaration:

I Syarafina Binti Abdullah hereby certify that the work entitled "*Tradisi Lisan Ensera*" was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of **Bachelor Of Applied Arts With Honours (Drama and Theater)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____

(SYARAFINA BINTI ABDULLAH)

Date: 8 Jun 2018

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (√)):

- YES**
 NO

Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature: _____

(7th June 2018)

Supervisor's signature: _____

(7th June 2018)

Current Address :

RUMAH JILAN SUNGAI GERUNGANG ULU SEBATU TINJAR, 98050 BARAM SARAWAK.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

[The instrument was prepared by The Centre for Academic Information Services]

TRADISI LISAN ENSERA

ALICE ENTABARI ANAK UMPANG

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Drama dan Teater)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2018

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Tradisi Lisan Ensera**' telah disediakan oleh **Alice Entabari Anak Umpang** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Drama dan Teater**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Syarafina bt Abdullah)

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan dengan limpahan rahmat kerana memberkati dan memberi kesempatan untuk menyiapkan kajian saya iaitu Tradisi Lisan *Ensera*. Jutaan terima kasih saya rakamkan kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Puan Nunyan Anak Linggie dan Mansor Anak Ina kerana memberi sokongan padu sepanjang proses menjalankan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima saya dirakamkan kepada Puan Syarafina Binti Abdullah selaku penyelia atas segala bimbingan dan dorongan semasa menyempurnakan tesis ini. Saya turut berterima kasih kepada informan iaitu Encik Nyindang Anak Entili kerana memberi kerjasama untuk melaksanakan kajian ini.

Akhir sekali ucapan penghargaan kepada rakan-rakan dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang tesis ini dijalankan. Jasa baik dan sumbangan yang telah diberikan amat dihargai dalam membantu menyempurnakan tesis ini.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT	
Penghargaan	i	
Isi Kandungan	ii	
Senarai Jadual	vi	
Senarai Gambar	vii	
Abstrak	viii	
Abstract	ix	
BAB 1 PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pemasalahan Kajian	3
1.3	Persoalan Kajian	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Kerangka Konsep dan Pendekatan Teori	4
1.6	Objektif Kajian	5
1.7	Kaedah Penyelidikan	6
1.8	Kepentingan Kajian	7
1.9	Limitasi Kajian	8
BAB 2 GELINTIR KESUSTERAAN		
2.1	Pendahuluan	9
2.2	Kesusteraan Lisan dalam Tradisi Lisan	9

	<i>Ensera</i>	
2.3	<i>Oral History</i>	11
2.4	Rumusan	12
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN		
3.1	Pendahuluan	13
3.2	Data Primer	13
	3.2.1 Temu Bual	13
3.3	Data Sekunder	14
	3.3.1 Kajian Perpustakaan	14
	3.3.2 Rakaman Video	15
	3.3.3 Rakaman Audio	15
3.4	Pendekatan Teori	16
3.5	Rumusan	18
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	19
4.2	Menemubual	20
	4.2.1 Latar Belakang Informan	20
	4.2.2 Latar Belakang <i>Ensera Klasik</i>	22
	4.2.3 Nilai Estetika <i>Ensera Klasik Iban</i>	21
4.3	Mentafsir	23
	4.3.1 Transisi Lisan Ensera	23
	4.3.2 Ensera Klasik	24
	4.3.2.1 Prolog Ensera Klasik	24

	<i>Minggul Enda Bebini</i> yang dilagukan oleh Encik Nyindang	
4.3.2.2	Terjemahan <i>prolog Ensera</i> <i>Minggul Enda Bebini</i>	26
4.3.3	<i>Ensera</i> Fiksyen Bercetak	27
4.3.3.1	<i>Ensera Pelanduk Labuh Ka</i> <i>Lubang Kebung</i>	28
4.3.3.2	Terjemahan <i>Ensera</i> <i>Pelanduk Labuh Ka</i> <i>Lubang Kebung</i>	30
4.3.4	Rakaman <i>Ensera</i> Drama Radio Terbitan Wai Fm Iban Sarawak	30
4.3.5	Analisis perbandingan bentuk <i>Ensera</i> klasik Iban, <i>Ensera</i> Fiksyen Bercetak, dan drama radio terbitan Wai FM.	32
4.4	Mendokumentasikan Tradisi Lisan <i>Ensera</i> Melalui Teori Sejarah Lisan	33
4.5	Rumusan	34

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	PENDAHULUAN	36
5.2	Kesimpulan	36
5.3	Cadangan	38

RUJUKAN	40
LAMPIRAN	42

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
3.1 Tiga Elemen Oral History digunakan untuk mengkaji tradisi lisan <i>Ensera</i>	17
4.1 Analisis perbandingan bentuk persembahan <i>Ensera</i> klasik, <i>Ensera</i> fiksyen bercetak dan <i>Ensera</i> drama radio Wai FM.	32

SENARAI GAMBAR

	SENARAI GAMBAR	MUKA SURAT
4.1	Nyindang Anak Entili	20

ABSTRAK

Ensera merupakan seni bercerita menggunakan bahasa klasik Iban oleh tukang *Ensera*. Melalui kajian ini usaha meliharaan seni tradisi lisan *Ensera* masyarakat *Iban* dilaksanakan sebagai langkah pertama mendokumentasikan kewujudan seni tradisi *Ensera*. Pendekatan teori *Oral History* (Allan Nevin, 1940) yang diaplikasikan dalam kajian untuk menganalisis nilai estetika seni lisan *Ensera*.

ABSTRACT

Ensera is an art of a storytelling delivered in classic Iban language by an Ensera poet. This research is the first attempt to preserve the existing oral tradition of Ensera in the Iban community. The Oral History theory (Allan Nevins, 1940) applied in this research is to study the aesthetic value of Ensera.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Ensera dalam masyarakat *Iban* bermaksud cerita. Ia merupakan amalan seni lisan masyarakat *Iban* di Sarawak secara turun temurun. Tarikh amalan kebudayaan tersebut tidak dapat dikenalpasti kerana tiada kajian ilmiah dijalankan bagi membuktikan jangka masa kewujudan *Ensera*¹ yang sebenar. Berdasarkan *Bup Sereba Reti Jaku Iban* (The Tun Jugah Foundation, 2011) *Ensera* membawa maksud *cherita ditusi mulut kesuah agi ngena jaku tuai tauka jaku klasik ti berambai-rambai pasal orang kelua menya (baka orang di panggau Libau enggau Orang Gelung tauka menua bukai ke bekaul enggau jerita tuai)*. *Ensera* yang tulen menurut mantan *Lemambang Ulu Niah*, Encik Nyindang anak Entili (2017) *Ensera* adalah cerita lisan klasik yang mengisahkan kehidupan dan penyatuan hubungan para dewa-dewi bersama manusia di bumi orang *Iban* pada zaman dahulu.

Ensera pada zaman kini disampaikan melalui drama radio dalam bentuk (monolog) yang dimainkan di corong radio terbitan Wai Fm *Iban*, Radio Televisyen Malaysia Sarawak. Selain itu ia dicetak sebagai cerita-cerita klasik fiksyen yang disesuaikan kandungan mengikut peringkat umur. Bentuk amalan *Ensera* yang tulen yang disampaikan secara amalan turun temurun tidak dapat lagi disaksikan oleh anak muda-mudi *Iban* moden kini. Oleh yang demikian pengkaji menjurus kepada cara

¹ *Ensera* bermaksud cerita klasik *Iban* yang diceritakan menggunakan bahasa klasik orang *Iban* secara berlagu-lagu.

penyampaian penceritaan *Ensera* oleh seorang *Tukang Ensera*² dalam menyampaikan *Ensera*.

Berdasarkan kajian lepas dan temu bual bersama informan-informan akan perihal *Ensera*, pengkaji meragui adanya pelapis daripada golongan generasi muda masyarakat *Iban* yang bakal meneruskan legasi *Tukang Ensera*. Peredaran modenisasi daripada pelbagai media massa adalah faktor utama yang menyumbang kepada penyisihan amalan *berensera*. Amalan tradisi *Ensera Iban* menurut informan, Encik Jimbun Tawai (2017) daripada Majlis Adat Istiadat Jabatan Ketua Menteri Sarawak adalah *Ensera* digunakan sebagai terapi bagi menghilangkan kepenatan pesawah padi. Pada masa beriadah juga *Ensera* akan menjadi hiburan yang dinantikan oleh masyarakat *Iban* di kala petang atau menjelang malam. Malangnya, acara aslinya *Ensera* ini hanya sempat disaksikan oleh golongan yang telah berumur dalam lingkungan 60an dan ke atas.

Bagi menyampaikan penceritaan kepada penonton atau pendengarnya, *Tukang Ensera* menggunakan kemahiran mengiramakan pembuka ceritanya sebagai tanda akan bermulanya *Ensera* dan memakutkan penonton dan pendengarnya dengan kisah Dewa-Dewi. Menurut, mantan *Lemambang*³ Encik Nyindang anak Entili (2017) individu yang menceritakan *Ensera* ini merupakan orang yang bijak pandai dalam menyusun kata semasa cerita. Hal ini demikian kerana setiap cerita yang diceritakan adalah melalui buah fikiran mereka tanpa menggunakan skrip yang dicetak. Tambahan juga menurut beliau semakin pandai *Tukang Ensera* menyampaikan *Ensera*, semakin menarik jalan cerita. Kebijaksanaan dan kemahiran *Tukang Ensera* bercerita adalah dipelajari dari turun temurun.

² *Tukang Ensera* bermaksud *Tukang cerita* masyarakat *Iban*.

³ *Lemambang* bermaksud *Pawang* yang boleh berhubung dengan roh-roh orang dah meninggal.

1.2 Permasalahan Kajian

Secara umumnya *Ensera* dikenali sebagai sebuah seni bercerita dalam seni persembahan masyarakat *Iban* pada zaman dahulu. Cerita adalah bentuk komunikasi awal dalam mengajar, penyembuhan malah untuk tujuan berhibur. Bercerita merupakan suatu seni yang menggunakan bahasa, pergerakan dan mimik muka untuk melontarkan idea dan merangsang daya imaginasi audiens, bercerita juga boleh dianggap sebagai seni sastra dan seni teater yang memberikan nyawa kepada perkataan bertulis dalam sesebuah buku Greene (1976). Penjelasan Anne Pellowski (1990) menjelaskan bahawa bercerita ialah keseluruhan pengalaman sejenak daripada penceritaan lisan dalam bentuk berirama atau prosa yang dipersembahkan atau dipimpin oleh seseorang di hadapan khalayak. Penceritanya boleh disampaikan secara lisan atau dilagukan dengan iringan muzik, menggunakan gambar, sumber-sumber bercetak atau direkodkan secara mekanikal. Seni bercerita *Ensera* semakin dilupakan dan tidak dipraktikkan oleh golongan muda masyarakat *Iban* sendiri. Hal ini demikian kerana arus pemodenisasi zaman sekarang menjadi faktor utama kepada permasalahan ini. Tambahan lagi, permasalahan ini berlaku kerana tiada penulisan ilmiah yang berkaitan dengan *Ensera* direkod. Oleh itu, golongan muda tidak terdedah dengan seni warisan sendiri yang diwarisi dari turun temurun.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

1. Bagaimanakah *Ensera* klasik dipersembahkan oleh *Tukang Ensera*?

1.4 Skop Kajian

Fokus kajian ini menjurus kepada amalan *berensera* dalam masyarakat *Iban* oleh *Tukang Ensera*. Penyelidikan ini dijalankan di perkampungan orang *Iban* di Ulu Niah, 45 minit daripada Pekan Batu Niah. Pengkaji telah menemubual mantan *Lemambang* Ulu Niah, Encik Nyindang Anak Entili (2017) yang juga merupakan mantan ketua kampung Sungai Sebatu Niah Rancangan Sepupuk Ulu Niah, pada 31 Oktober 2017. Pengkaji turut melakukan kajian di Majlis Adat Istiadat Sarawak dan Tun Jugah mengenai kebudayaan dan kesenian orang *Iban* yang secara khususnya menjurus kepada aktiviti *berensera* dalam bentuk dokumentasi. Janang Siring daripada *Tun Jugah Foundation* menjelaskan bahawa kajian berkenaan *Tukang Ensera* belum pernah dijalankan sehingga kini.

1.5 Kerangka Konsep Dan Pendekatan Teori

Pengkaji menggunakan empat elemen persembahan Elaine Aston (1991) sebagai kerangka konsep untuk menganalisis tradisi lisan *Ensera*. Elaine Aston meminjam elemen dramatik oleh Aristotle untuk mengkaji teks dan persembahan. Daripada enam elemen tersebut Elaine Aston hanya mengutamakan empat elemen yang terdiri daripada plot, character, bahasa dan kekaguman. Pengkaji menggunakan empat elemen tersebut untuk membuat analisis perbandingan bentuk *Ensera* klasik *Iban*, *Ensera* fiksyen bercetak dan *Ensera* drama radio terbitan Wai FM.

Kajian ini akan dilaksanakan dengan pengaplikasian teori *oral history* (Allan Nevins, 1940). Sejarah lisan merupakan koleksi kehidupan seseorang (informan) secara sistematik melalui pengalaman hidup mereka sendiri. Sejarah lisan berkaitan dengan peristiwa sejarah, orang, tempat, dan memori seseorang daripada ingatan di

masa lalu melalui pandangan mata sendiri. Oleh itu, acara ini adalah ingatan hidup. Selain itu sejarah lisan bukanlah cerita rakyat, gosip, dan khabar angin. Sejarah lisan bertujuan untuk mengesahkan penemuan mereka, menganalisa serta meletakkannya dalam konteks sejarah yang tepat. Dalam projek sejarah lisan, seseorang penemuduga mengingatkan satu peristiwa untuk seseorang pewawancara dan merekodkan peringatan untuk mencipta rekod sejarah. Sejarah lisan adalah kaedah untuk mengumpul, memelihara dan mentafsir maklumat sejarah melalui kaedah menemubual orang, komuniti dan peserta dalam peristiwa masa lalu dan cari hidup seseorang. Hong Lysa meminjam idea Willam Moss melalui penulisan beliau dalam *Ideology And Oral History Institutions In Southeast Asia* pada tahun 1978 iaitu menemubual, mentafsir dan mendokumentasi untuk tujuan penyebaran sejarah lisan kepada umum. Ringkasnya penyebaran *oral history* adalah sebagai teknik penyelidikan dan proses dokumentari. Namun proses temu bual memerlukan analisis dan tafsiran sebelum didokumentasikan.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan *Ensera* Klasik sebagai tradisi lisan dalam masyarakat *Iban*. Bagi mencapai matlamat kajian ini berikut adalah objektif kajian tersebut.

1. Menenalpasti nilai estetika *Ensera* klasik oleh *Tukang Ensera* masyarakat *Iban*.
2. Membuat kajian perbandingan estetika bentuk *Ensera* tradisional yang disampaikan oleh *Tukang Ensera*, *Ensera* fiksyen bercetak dan *Ensera* Drama Radio Wai FM.

3. Mendokumentasikan *Ensera* klasik oleh *Tukang Ensera* sebagai bahan arkib kesenian lisan klasik *Iban*.

1.7 Kaedah Penyelidikan

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif. Kaedah penyelidikannya terbahagi kepada tiga unit yang merangkumi data primer data sekunder dan pendekatan teoritikal.

Data primer merupakan data yang boleh diperoleh oleh pengkaji melalui kaedah temu bual bersama informan. Beberapa soalan yang disediakan bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Kaedah temu bual merupakan kaedah utama untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Temu bual dijalankan kerana sumber bertulis mengenai kajian *Tukang Ensera* amat terhad dan sukar didapati.

Data sekunder merangkumi kajian perpustakaan. Ia digunakan untuk mengkaji dan meneliti bahan bacaan seperti buku, jurnal, kajian lepas mengenai *Tukang Ensera*. Maklumat yang diteliti merangkumi sejarah awal kemunculan *Ensera* dan *Tukang Ensera*. Rakaman Video atau audio bagi sesi temubual mahupun demonstrasi bersama informan.

Manakala untuk pendekatan teoritikal, kajian ini mengaplikasikan teori *oral history* untuk menjalankan kajian. Komponen *oral history* ini merangkumi tiga bahagian iaitu menemubual, mendokumentasi dan mentafsir. Proses menemubual dalam pengkaji perlu membuat persediaan penyelidikan seperti soalan temuduga. Selain itu pengkaji perlu mencari informen untuk ditemubual. Proses ini bertujuan untuk membina pemahaman melalui pelbagai perpesktif. Proses mendokumentasi merangkumi proses merekod dan kaedah kaedah untuk mendapat data dari proses

menemubual. Komponen terakhir adalah untuk mentafsir segala transkripsi, artikel, jurnal, maklumat lawan web dan pelbagai media. Selain itu proses ini bertujuan untuk mentafsir data daripada temubual bersama informen.

1.8 Kepentingan Kajian

Memberi kesedaran tentang pentingnya kewujudan dan asal usul *Tukang Ensera* kepada masyarakat *Iban* zaman dahulu dan sekarang. Pendokumentasian *Tukang Ensera* penting dalam kajian kerana pengkaji ingin menarik lebih ramai golongan muda-mudi masyarakat *Iban* untuk mempelajari seni penceritaan *Tukang Ensera* pada masa akan datang.

Memelihara sebuah seni warisan sebuah kaum merupakan perkara yang penting dalam kajian. Kajian ini penting untuk mengenalpasti punca-punca kelenyapan seni persembahan *Ensera* dalam generasi muda masyarakat *Iban*. Namun begitu, pendedahan dan kesedaran akan pentingnya *Ensera* sebagai tradisi lisan perlu ada dalam generasi muda sekarang akan penting *Ensera* sebagai sebuah seni persembahan yang mempunyai nilai-nilai murni. Hal ini demikian kerana teks-teks yang ditulis membawa nilai pengajaran kepada masyarakat *Iban*. *Tukang Ensera* berperanan sebagai individu yang bertanggungjawab untuk menyebarkan nilai-nilai murni dalam penceritaannya. Melalui kajian ini pengkaji berharap, lebih ramai generasi muda terutamanya masyarakat *Iban* sendiri berminat untuk menjadi *Tukang Ensera*.

1.9 Limitasi Kajian

Kekangan yang dihadapi dalam penghasilan kajian adalah mempunyai sumber maklumat yang amat terhad mengenai tradisi lisan *Ensera*. Bagi mengatasi permasalahan ini pengkaji telah mengumpul maklumat melalui beberapa individu untuk mengetahui tentang *Tukang Ensera*. Pengkaji mengfokuskan kepada asal usul *Ensera* dan bentuk penyampaian *Ensera* klasik *Iban*. Pengkaji melimitkan kajian untuk mengkaji prolog *Ensera Iban*.

Kepupusan *Tukang Ensera* dalam masyarakat *Iban* pada zaman kini merupakan masalah yang perlu dihadapi oleh pengkaji dalam mengumpul data tentang sejarah asal usul *Tukang Ensera* dalam masyarakat *Iban*. Disebabkan hal ini, jalan penyelesaian yang diambil oleh pengkaji dengan menemubual individu yang pernah melihat dan tahu siapa *Tukang Ensera*. Pengkaji telah menemu bual seorang *Lemambang* dan beberapa informen lain yang tahu pasal *Tukang Ensera* serta *Ensera*.

Kekangan yang seterusnya yang dihadapi oleh pengkaji adalah kaedah untuk mendapatkan data. Ketiadaan rekod bertulis mengenai *Ensera* amat menyukarkan informen untuk berkongsi maklumat yang terperinci tentang *Tukang Ensera*. Penyelesaian bagi masalah ini, pengkaji mengumpul setiap data dan membuat analisis bagi mendapatkan maklumat yang tepat tentang *Tukang Ensera*.

BAB DUA

GELINTIRAN KESUSASTERAAN

2.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji mengulas beberapa buah penulisan ilmiah dan jurnal berkaitan dengan kajian tradisi lisan *Ensera*. Penaran gelintir kesusteraan adalah untuk menilai perbandingan kajian yang dikaji dengan kajian lepas. Selain itu, ia bertujuan untuk menilai kesusteraan *Iban* dalam tradisi lisan *Ensera*. Pengaplikasian *oral history* dalam kajian tradisi lisan *Ensera* bertujuan untuk mendokumentasikan kewujudan kesenian lisan masyarakat *Iban*.

2.2 Kesusteraan *Iban* dalam tradisi lisan *Ensera*

Leka Main Puisi Rakyat Iban (Chemaline, U 2006) satu analisis bentuk dan fungsi sastra masyarakat *Iban*. Kajian memperkenalkan jenis puisi, drama seni kebudayaan *Iban*. Tradisi lisan *Ensera* merupakan sebuah *leka main Iban* zaman dahulu. *Leka main Iban* terbahagi kepada dua iaitu *leka main sekular* dan *leka main sakral*. *Leka main sekular* bertujuan untuk hiburan pada masa lapang. Selaras tujuan tradisi lisan yang berperanan sebagai cerita jenaka dan hiburan masyarakat *Iban*. Oleh hal yang demikian kajian ini membantu dalam usaha menganalisis tradisi lisan *Ensera* dalam budaya masyarakat *Iban*.

Folklor Suku Kaum Iban: Distinktif, Ekstensif, Unik dan Tersendiri yang ditulis oleh Chemaline Usop (Sang Budiman, 2013) meletakkan tradisi lisan *Ensera* sebagai sebuah folklor zaman silam dan ia dikongsi bersama-sama masyarakat *Iban*. Tradisi lisan *Ensera* sebuah puisi naratif yang dilagukan dan mengambil masa yang

panjang untuk menghabiskan satu cerita. Epik Sagas (Sandin, 1994) adalah nama khusus tradisi lisan *Ensera* banyak menceritakan orang panggau “*Heroes and heroine of Panggau Libau-Gelong World*” seperti *Keling* dan *Kumang*.

Becerite dan Bedande: Tradisi Kesasteraan Melayu sambas (Effendy C, 2006) adalah untuk meneliti tradisi lisan *Ensera* sebagai sebuah kesusteraan masyarakat *Iban*. Bentuk dan sastera tradisi lisan *Ensera* dianalisis dalam mengenal asal usul, jenis *Ensera* yang dilagukan oleh *Tukang Ensera*. Penulisan yang membincangkan kaedah mendapatkan data dalam *becerite* dan *berdande* menjadi rangka dalam mendapatkan maklumat mengenai tradisi lisan *Ensera*.

Tradisi Lisan Bercorak Cerita (Daya O.B, 2006) mengkaji tradisi cerita verbal sebelum didokumentasikan dalam bentuk manuskrip. Bentuk cerita lisan dirumuskan sebagai cerita penglipulara, dongeng, cerita epik, mitos dan memoir. Konteks penceritaan dalam tradisi lisan bercorak cerita mempunyai persamaan dengan tradisi lisan *Ensera Iban*. Tradisi lisan *Ensera* yang verbal dianalisis bertujuan untuk melihat cara penyampaian, jenis cerita, motif yang dilakukan oleh seorang *Tukang Ensera*.

Buku fiksyen yang dibaca oleh pengkaji mengandungi cerita-cerita *Ensera* yang pelbagai jenis seperti *Ensera* kanak-kanak, *Ensera* haiwan, *Ensera* para dewa, *Ensera* kasik dan banyak lagi. *Ensera Nembiak Tusun 5* (Janang Siring, 2015). Koleksi *Ensera* yang terdapat dalam buku untuk mengkaji penggunaan watak-watak dalam *Ensera* fiksyen bercetak.

Ensera Ayor Epik Rakyat Iban (Noria Taslim, 2013) memfokuskan tentang kesusteraan masyarakat orang *Iban* di Sarawak. Penulisan buku ini mengisahkan perjalanan kehidupan seorang pahlawan *Iban*. Kesusteraan klasik masyarakat *Iban*